



MAHATHIR,
kami bersamamu

ZUKRI/2018



Lim Swee Tin merupakan sasterawan yang terlibat dalam kesusasteraan Melayu di Malaysia sejak tahun 70-an lagi. Beliau merupakan seorang penyajak yang prolifik dengan menghasilkan lebih daripada 85 buah buku persendirian pelbagai genre setakat ini, selain lebih 160 judul lagi dalam bentuk antologi. Telah memenangi banyak hadiah kesusasteraan, seorang deklamator yang tidak asing lagi di tanah air, pada tahun 2000 yang lalu dianugerahi South East Asia Write Award atau lebih dikenali S. E. A. Write Award di Bangkok, Thailand.

MAHATHIR, *kami bersamamu*

lelaki berhemah tak gentar cubaan
padanya kemakmuran jadi tunjangan
waspada bangsa akan ancaman mendatang
diteguhkan jiwa rakyat tercinta
menepis menyinis segala kritik dan nista.

disusurnya pelosok didalamkan jenguk
prihatinnya melampaui batas keturunan
bersih kasih menyejuk sukma penduduk
dialah bapa sanjungan zaman
ikhtiar lelaknya menyinarkan kemuljaan.

dialah negarawan pencipta tamadun
meletak tinggi martabat dan kehormatan
ketika zaman menuntut keberanian kental:
di akalmu kami pancangkan nasib
di bahumu kami sandarkan harapan.

UUM Press
Kreatif

ISBN 978-967-2210-24-5

